

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

th
ISSUE

69 info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN




ISSN 2238-1978



9 773232 167005

Kursus Asas Komputer dan Asas Microsoft Word 2010



Kursus Asas Komputer dan
Microsoft Word 2010 Siri 3



Kursus Asas Komputer dan
Microsoft Word 2010 Siri 4

Kursus Asas Komputer dan Asas Microsoft Word 2010 Siri 3 dan 4 telah berjaya diadakan untuk dua siri di Bilik Simulasi Pejabat 1, UiTM Sarawak Kampus Samarahan 1. Kursus ini yang diadakan pada bulan Ogos dan September 2014 dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran bagi membantu staf yang kurang mahir dalam mengendalikan komputer.

Semua peserta telah didedahkan kepada fungsi setiap komponen dalam CPU. Para peserta juga turut dibekalkan dengan satu CPU setiap seorang untuk meleraikan dan memasang semula komputer dalam CPU. Selain itu, peserta turut diberi pengetahuan berkenaan dengan cara menggunakan Microsoft Word 2010, FinePortal, dan I-Staf Portal. Penceramah bagi kursus ini ialah Puan Aima Sumiyati bt. Maliki.

KOLOKIUJN JABATAN SAINS MATEMATIK 2014


Oleh: Juliza Salleh dan Anniza Hamdan

Bermula dari semester sesi 2013/2014, Jabatan Sains Matematik (JSM) telah mengadakan Kolokium Jabatan Sains Matematik (JSM) sepanjang tahun dengan dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Staf, JSM. Tujuan kolokium ini adalah untuk berkongsi ilmu serta bertukar pendapat di antara ahli-ahli jabatan terhadap hasil pembentangan daripada pensyarah-pensyarah jabatan ini. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk budaya penyelidikan serta boleh mengenal pasti inovasi atau penyelidikan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

Bagi semester 2014/2015, ini adalah tahun kedua kolokium ini diadakan. Pada 18 Julai 2014, bertempat di bilik mesyuarat Fakulti Kejuruteraan Awam, Kampus Samarahan 2, dua orang pensyarah dari jabatan ini telah membentangkan hasil kajian mereka di dalam bidang Statistik. Sesi kolokium kali ini telah dipengerusikan oleh Puan Lau Ung Hua. Pembentangan pertama adalah daripada Cik Rumaizah binti Che Md Nor dengan hasil kajian beliau yang bertajuk "Determining Significant Factors Affecting Spectators' Attendance of Malaysian Super League Football Match". Manakala pembentangan kedua pula adalah daripada Cik Puteri Faida Alya binti Zainudin dengan kajian beliau yang bertajuk "A Study on Level of Member Participation in Cooperative Economic Activities: An Ordinal Logistic Regression Analysis Approach".

Melalui kolokium ini, warga JSM dapat memperkembangkan ilmu dengan mengetahui lebih banyak kaedah ataupun teknik-teknik di dalam bidang Statistik di samping mempelajari istilah-istilah baru yang

jarang didengari. Sesi soal jawab diakhir kolokium juga sangat bermanfaat di mana para pensyarah-pensyarah yang berpengalaman juga turut berkongsi ilmu di mana ia dapat membantu untuk memperkembangkan lagi tajuk kajian di masa akan datang. Diharapkan sesi kolokium ini akan terus diadakan yang pastinya dengan tajuk pembentangan yang menarik oleh para pensyarah.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**